

02 MAR 1997

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA RAJA HASSAN

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah menghantar perutusan tahniah kepada Raja Hassan II sempena Hari Kebangsaan Maghribi yang ke-36 hari ini.

"Beta berdoa kepada Allah S.W.T. semoga Maghribi akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran di bawah kepimpinan Tuan," titah Seri Paduka dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Abdellatif Filali dengan menyatakan Malaysia mengulangi hasratnya untuk memperkukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

"Saya yakin bahawa ini akan meningkatkan interaksi antara rakyat kedua-dua negara yang memberi manfaat bersama pada tahun-tahun akan datang," kata Perdana Menteri.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menghantar perutusan yang sana kepada Filali, yang juga Menteri Luar Maghribi dengan harapan kerjasama antara Malaysia dan Maghribi akan terus kukuh dan berkembang.

"Saya menaruh harapan untuk terus bekerjasama dengan Tuan ke arah memperkukuhkan hubungan pada tahun-tahun akan datang," kata beliau. --

BERNAMA

HAK FAZ